



#KitaSelangor

PEJABAT DAERAH DAN TANAH SABAK BERNAM

BULETIN 4/2023



4 LANGKAH MENCEGAH KEBAKARAN DOMESTIC & INDUSTRI



PERIKSA ALAT ELEKTRIK

Sentiasa periksa plug dan perlatan elektrik. Pastikan sentiasa dalam keadaan selamat



PASANG PENGGERA ASAP

Pasang penggera asap didalam rumah yang kurang diduduki



MILIKI ALAT PEMADAM API

Pastikan rumah memiliki dua pemadam api jenis ABC



ELAK BAHAN MUDAH TERBAKAR

Simpan semua bahan yang mudah terbakar di tempat yang selamat.

JABATAN BOMBA DAN PENYELAMAT MALAYSIA



**MALAYSIA
MADANI**



PROGRAM DAN AKTIVITI



<https://www.selangor.gov.my/sabak bernam.php>



<https://twitter.com/pdtsbernam>



<https://facebook.com/pejabatsabak bernam>



OKTOBER

2023

PROGRAM PERARAKAN CINTA RASUL SEMPENA SAMBUTAN MAULIDUR RASUL PERINGKAT DAERAH SABAK BERNAM 1445H/2023

Buletin 4/2023



Program Perarakan Cinta Rasul sempena sambutan Maulidur Rasul peringkat Daerah Sabak Bernam diadakan di Masjid Jamek Sultan Hishamuddin, Pekan Sabak pada 7 Oktober 2023 (Sabtu). Penyertaan dalam program ini melibatkan kakitangan lelaki PDTSB, yang berarak di sekitar Pekan Sabak sebagai sebahagian daripada merayakan Maulidur Rasul dengan penuh kecintaan.



KUNJUNGAN HORMAT PEGAWAI DAERAH SABAK BERNAM KE PEJABAT DAERAH DAN TANAH HILIR PERAK DAN LAWATAN PENANDA ARAS DALAM PELAKSANAAN SISTEM E-TANAH

Kunjungan Hormat Pegawai Daerah Sabak Bernam ke Pejabat Daerah Dan Tanah (PDT)Hilir

Perak dan Lawatan Penanda Aras dalam pelaksanaan Sistem E-Tanah telah diadakan pada 13 Oktober 2023 (Jumaat). Lawatan ini direncanakan dengan tujuan utama untuk PDTSB menimba ilmu daripada PDT Hilir Perak mengenai pelaksanaan Sistem E-Tanah. PDTSB membuat penanda aras dengan melibatkan diri dalam lawatan ini sebagai langkah strategik untuk memastikan pembelajaran dan adaptasi sistem yang lebih baik.



PROGRAM TANAM POKOK BAKAU PERDANA

Buletin
4/2023



Program Tanam Bakau Perdana ini telah berlangsung pada 14 Oktober 2023 (Sabtu) di Pantai Bumi Hijau, Kampung Banting. Selain kakitangan PDTSB, jabatan-jabatan lain di dalam daerah Sabak Bernam juga turut hadir untuk menjayakan program ini. Aktiviti menanam bakau ini bertujuan untuk mencegah hakisan pantai dan memulihara habitat asal, sehingga anak ikan, udang, serta ketam dapat berkembang biak.

PROGRAM ADVOKASI KESELAMATAN JALAN RAYA JABATAN PENGANGKUTAN JALAN SELANGOR BERSAMA MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA DAERAH SABAK BERNAM

Program Advokasi Keselamatan Jalan Raya Jabatan Pengangkutan Jalan Selangor ini bertempat di hadapan Balai Polis Sekinchan pada 17 Oktober 2023 (Selasa). Selain kakitangan PDTSB, pihak MKJR dan Polis turut serta bagi menjayakan program ini. Aktiviti yang dilakukan semasa program tersebut termasuklah memberi penerangan tentang kesedaran keselamatan jalan raya, menampal pelekat pantulan cahaya serta mengagihkan topi keledar kepada orang awam.



Buletin 4/2023



**HARI
SUKEAN
NEGARA**

FUN RIDE SEMPENA HARI SUKAN NEGARA

Fun ride sempena Hari Sukan Negara merupakan satu program kayuhan basikal bermula dari Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam ke Parit 5, Sungai Besar yang berlangsung pada 25 Oktober 2023 (Rabu) dan disertai oleh kakitangan PDTSB. Program ini tidak hanya memberikan keseronokan fizikal melalui aktiviti kayuhan basikal, tetapi juga memberikan manfaat tambahan dalam aspek kesihatan tubuh badan. Selain itu, program ini berperanan sebagai platform untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan kakitangan PDTSB, mencipta suasana kerjasama yang harmoni, dan meningkatkan semangat berkomuniti.



Buletin
4/2023



KURSUS PERKHIDMATAN BERKAITAN **KEMUDAHAN CUTI, PENGENDALIAN BUKU REKOD PERKHIDMATAN DAN PENGURUSAN PERKHIDMATAN**



Kursus Perkhidmatan Berkaitan Kemudahan Cuti, Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan, dan Pengurusan Perkhidmatan yang dihadiri oleh kakitangan PDTSB, berlangsung pada 23 Oktober 2023 (Isnin) di Bilik Bunga Raya, PDTSB. Kursus yang dianjurkan oleh Bahagian Khidmat Pengurusan ini bertujuan memberi pendedahan dan penerangan kepada kakitangan PDTSB mengenai Kemudahan Cuti, Pengendalian Buku Rekod Perkhidmatan, dan Pengurusan Perkhidmatan. Ceramah kursus telah disampaikan oleh Mohamad Ribwan bin Abas (Ketua Penolong Pengarah Bahagian Pencen JPA).



PROGRAM KITAR SEMULA DAN E-WASTE JABATAN DAERAH SABAK BERNAM TAHUN 2023



Program Kitar Semula Dan E-Waste ini berlangsung pada 24 Oktober 2023 (Selasa) di Dataran Bernam, PDT Sabak Bernam. Selain kakitangan PDTSB, turut serta jabatan-jabatan lain bagi memeriahkan suasana program. Program ini dirasmikan oleh Tuan Azhar Bin Achil (Penyelaras Parlimen Sungai Besar). Beberapa aktiviti yang dijalankan semasa program tersebut termasuklah jual beli barang elektronik terpakai (E-Waste), jual beli minyak terpakai, serta jualan rahmah jelajah Ehsan Rakyat.



NOVEMBER

2023

PROGRAM SUKAN HARI KELUARGA PDTSB 2023



Acara dirasmikan oleh Tuan Amri Bin Ismail Pegawai Daerah Sabak Bernam. Selanjutnya, program dimeriahkan dengan Senamrobik dan Sukaneka, yang dibahagikan mengikut kategori iaitu kanak-kanak, remaja, dan kakitangan PDTSB.



MAJLIS JALINAN KASIH KELAB SUKAN DAN KEBAJIKAN PDTSB 2023 (KESUKA)

Majlis Jalinan Kasih yang dianjurkan oleh Kelab Sukan Dan Kebajikan (KESUKA) telah berlangsung pada 4 November 2023 (Sabtu) di Dewan Sri Bernam, Sungai Besar, yang dihadiri oleh semua staf dan keluarga PDTSB.

Turut hadir bersama ke majlis Mantan OBD Y.BHG. DATO' Hj. Baharin bin Hj.Mat Akhir dan OBD baharu Y.D.H. Tuan Dr. Haji Paridul Adras bin Ismail.

Majlis ini diadakan untuk mengeratkan silaturrahim dalam kalangan warga PDTSB di samping memberikan penghargaan kepada Mantan OBD yang telah berkhidmat di PDTSB. Majlis bermula dengan ucapan Tuan Amri Bin Ismail, dan diserikan dengan cabutan bertuah serta persembahan nyanyian oleh kakitangan PDTSB.



LATIHAN PENGENDALIAN BOT DAN WATER CONFIDENCE PERINGKAT NEGERI SELANGOR 2023

Latihan Pengendalian Bot ini dijalankan pada 17 - 18 November 2023 (Jumaat - Sabtu) di Empangan Batu, Daerah Gombak. Latihan ini melibatkan penyertaan Unit Teknikal dan Penguatkuasaan PDTSB. Tujuan utama latihan ini adalah untuk memastikan kesiapsiagaan dan persediaan dalam menghadapi musim Monson Timur Laut (MTL).



BENGKEL PEMBANGUNAN **PELAN STRATEGIK PDTSB**

TAHUN 2024 - 2028



Bengkel Pembangunan Pelan Strategik PDTSB Tahun 2024 - 2028 diadakan di Dorsett Grand Subang, Petaling Jaya, pada 24 - 26 November 2023 (Jumaat - Sabtu). Bengkel ini dihadiri oleh pegawai dan kakitangan PDTSB yang mewakili setiap Bahagian/Unit. Tujuan utama bengkel ini adalah untuk merangka pelan strategik baharu PDTSB sebagai panduan rasmi kepada kakitangan dan agensi/jabatan yang berurusan dengan PDTSB.



Buletin 4/2023

LATIHAN KECEMASAN & KEBAKARAN

Latihan Kecemasan dan Kebakaran berlangsung pada 29 November 2023 (Rabu) di Dataran Bernam, PDT Sabak Bernam.

Tujuan latihan ini adalah untuk memberikan pengetahuan tentang tindakan yang perlu diambil oleh kakitangan ketika terjadi kebakaran di pejabat. Sesi latihan ini dipimpin oleh Pasukan Bomba dan Penyelamat Sungai Besar.



2023

The year "2023" is displayed in large, stylized yellow numbers. The number "0" is replaced by a red Santa hat with white pom-poms. The background is a close-up photograph of a snow-covered mountain slope with sunlight reflecting off the snow.


KEJOHANAN FUTSAL SUKAN PEJABAT TANAH DAN DAERAH NEGERI SELANGOR 2023 (PETANDA)



Buletin
4/2023

Kejohanan Futsal Sukan Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor 2023 (PETANDA). telah berlangsung di Arena BBST, Sepang, pada 2 Disember 2023 (Sabtu). PDTSB telah menghantar dua pasukan, lelaki dan perempuan, untuk bersaing dalam kejohanan ini dengan harapan merebut gelaran juara futsal Pejabat Tanah Dan Daerah Negeri Selangor 2023 (PETANDA).





PROGRAM PUSPANITA ARAI SURI TELADAN



Program Puspanita Arai Suri Teladan ini dianjurkan oleh Puspanita Daerah Sabak Bernam dan Puspanita Negeri Selangor pada 5 Disember 2023 (Selasa) di Nazbell Cottage & Garden Sungai Besar. Program ini dirasmikan oleh Puan Rosni Binti Awang (Pengerusi Puspanita Sabak Bernam) dan Datin Padiah binti Safian (Pengerusi Puspanita Negeri Selangor). Tujuan program ini untuk mengeratkan silaturrahim sesama ahli Puspanita. Aktiviti yang dijalankan semasa program ini termasuk senamrobik, memanah, membentuk punten, membentuk kuih wadei kipeng, mencorak topi mengkuang, seni celup batik shibori, menunggang ATV dan menunggang Tram.

LAWATAN PENANDA ARAS DARI PEJABAT TANAH DAERAH KLUANG

Lawatan Penanda Aras dari Pejabat Tanah Daerah Kluang, Johor ke Pejabat Daerah Dan Tanah Sabak Bernam pada 6 Disember 2023 (Rabu) bertujuan untuk bertukar dan berkongsi idea dengan PDT Kluang mengenai pengurusan tanah. Selain itu, lawatan ini diharapkan dapat meningkatkan pemahaman PDTSB dalam aspek audit SSR dan perkhidmatan kepada pelanggan di samping mendapat ilmu yang berkaitan dari pengalaman PDT Kluang.



MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN PDTSB DAN JAMUAN SEMPENA HARI DEEPAVALI



Majlis Perhimpunan Bulanan PDTSB dan Jamuan Sempena Hari Deepavali telah diadakan di Bilik Bunga Raya, PDT Sabak Bernam pada 7 Disember 2023 (Khamis). Majlis ini dihadiri oleh pegawai dan kakitangan PDTSB. Acara majlis dimulakan dengan ikrar penjawat awam, diikuti dengan ucapan Tuan Amri Bin Ismail. Sesi seterusnya merangkumi memperkenalkan diri bagi kakitangan yang baharu dan penyampaian sumbangan daripada pihak KESUKA kepada mereka yang secara khusus dipilih mewakili masyarakat India, individu yang ditimpa musibah, dan mereka yang menerima kelahiran cahaya mata baharu pada tahun tersebut.



KEJOHANAN BOLA TAMPAR SUKAN PETANDA 2023

Kejohanan Bola Tampar Sukan Petanda 2023 telah berlangsung pada 15 - 17 Disember 2023 (Jumaat - Ahad) di Dewan Besar Tanjung MBSA, Shah Alam. PDTSB turut menghantar dua pasukan, lelaki dan perempuan, untuk bersaing dalam kejohanan ini dengan harapan merebut gelaran juara. Walau bagaimanapun, hasil pertandingan menunjukkan bahawa kedua-dua pasukan PDTSB masing-masing meraih gelaran naib johan bagi lelaki dan tempat ke-4 bagi perempuan.





PROGRAM MAJLIS KESELAMATAN JALAN RAYA (MKJR) SEMPENA CUTI PERSEKOLAHAN & HARI NATAL 2023

Program Majlis Keselamatan Jalan Raya (MKJR) Sempena Cuti Persekolah dan Hari Natal 2023 telah diadakan di Stesen Minyak Petron Pasir Panjang, Sekinchan pada 22 Disember 2023 (Jumaat).

Program ini dijayakan oleh pihak PDTSB, PDRM, kakitangan Petron, dan kakitangan MarryBrown dengan memberi buah tangan kepada orang awam yang datang. Selain itu, turut dilakukan pengagihan topi keledar secara percuma kepada penunggang motosikal dengan tujuan meningkatkan kesedaran bahawa penggunaan topi keledar adalah penting untuk keselamatan jalan raya dan nyawa.



SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN DAN JUTAAN TERIMA KASIH

TUAN AMRI BIN ISMAIL

ENCIK NAZRIN IZWAN BIN MOHD NOH

ENCIK ZAIN AZMI BIN MOHD NOR

ENCIK ABDUL RAHMAN BIN ABDUL RAHIM

TUAN MOHAMMAD SUHAIMI BIN TUAN PA

ENCIK MUSTAFA KAMAL BIN AHMAD

PUAN NOR AZIAH BINTI ISMAIL

ENCIK SARIFUDIN BIN MOKHTAR

ENCIK FADZIL HANAFI BIN MOHAMAD

MOHAMMAD HAIRUR ADIB BIN MUHADZIR

**DAN SEMUA INDIVIDU DAN PIHAK YANG
TERLIBAT SECARA LANGSUNG ATAU
TIDAK LANGSUNG DALAM MENJAYAKAN
BULETIN PDTSB BIL. 04/2023 (OKTOBER
HINGGA DISEMBER 2023)**